

18/05/2001

Setinggalan program ketiga Pemuda masuk kampung

SIK, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno akan memilih sebuah kawasan setinggalan di Kuala Lumpur sebagai tempat ketiga Program Masuk Kampung pergerakan itu selepas melaksanakan program yang sama di Kuala Terengganu dan di sini.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata kawasan itu dipilih bagi mengembangkan agenda pembangunan Pemuda Umno kepada penduduk pelbagai peringkat, terutama yang berpendapatan rendah.

"Program ini membolehkan Pemuda mendapat maklumat tepat masalah rakyat berpendapatan rendah. Maklumat ini akan dikumpulkan untuk diserahkan terus kepada Perdana Menteri.

"Program di kampung setinggalan ini akan diadakan selepas majlis perjumpaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pemuda akhir bulan ini atau selepas perhimpunan agung Umno, Jun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas berdialog dengan penduduk Kampung Selamat, di sini hari ini.

Kira-kira 100 pemimpin Pemuda Umno peringkat pusat, negeri dan cawangan mengikuti program selama tiga hari itu, bermula semalam.

Selain berdialog, peserta program menimba pengalaman menoreh getah, bergotong-rotong dan membimbing kelas tambahan untuk anak pekebun kecil getah.

Program Masuk Kampung pertama menyaksikan pemimpin Pemuda menjadi anak angkat penduduk berpendapatan rendah di perkampungan nelayan Kuala Abang, Terengganu akhir Februari lalu.

Di Kampung Selamat, mukim Teloi Tua, dekat sini, Pemuda Umno merasai keperitan kehidupan pekebun kecil getah.

"Selepas merasai pengalaman hidup bersama nelayan dan penoreh getah, Pemuda akan merasai pengalaman hidup di kawasan setinggalan Kuala Lumpur," katanya.

(END)